

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

SOALAN :

TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kemajuan urusan kajian semula persempadanan baru kawasan pilihan raya. Senaraikan isu-isu yang dibangkitkan oleh ahli parlimen, kerajaan negeri dan NGO-NGO, berserta jawapan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) terhadap setiap isu yang dibangkitkan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum cadangan persempadanan SPR dimaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual ke Tiga Belas Perlembagaan.

Mengikut Perenggan (iii) Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, selepas SPRewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Antara isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan urusan Kajian Semula Persempadanan adalah mengenai amalan pelaksanaan prinsip "one man, one vote, one value", *gerrymandering*, pelaksanaan had 15% sebagai perbezaan maksima jumlah pengundi di antara kawasan-kawasan Parlimen dan bilangan pemilih yang tidak seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar.

SPR telah mengambil maklum akan isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan urusan Kajian Semula Persempadanan. Urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Fasal 2(i), Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Dalam melaksanakan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya tersebut, SPR akan melihat keseluruhan persempadanan di seluruh negara tanpa menumpukan pada sesuatu bahagian pilihan raya sahaja.

Amalan Gerrymandering pula hanyalah satu teori yang didakwa berlaku pada tahun 1812 apabila Gabenor Massachusetts meneruskan satu dasar undang-undang bertentangan dengan sempadan pilihan raya yang memberikan kelebihan kepada partinya iaitu Parti Republikan. Hasil daripada manipulasi ini, Parti Republikan mendapat manfaat besar di dalam pilihan raya yang diadakan. Berbeza di Malaysia, urusan Kajian Semula Persempadanan dilaksanakan sepenuhnya mengguna pakai prinsip-prinsip persempadanan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pelaksanaan prinsip "one man, one vote, one value" tidak sesuai diaplikasikan dalam urusan Kajian Semula Persempadanan memandangkan Suruhanjaya tidak dapat menyeimbangkan saiz sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana perbezaan keadaan muka bumi dan penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian pilihan raya. Pada amnya, kawasan Bandar mempunyai bilangan penduduk yang

ramai dan padat serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

Perbezaan saiz kawasan dan pemilih di antara sesuatu bahagian pilihan raya adalah dibenarkan oleh undang-undang sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 2(c), Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan mengenai penetapan dan prinsip-prinsip yang berhubungan dengan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya.

Perkara yang diambilkira dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya adalah berdasarkan kepada penetapan dan prinsip yang diperuntukkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:-

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri.
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian.

- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan.

- (d) Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sekian. Terima kasih.